KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	26/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	TNB			

Memodenkan grid

TNB optimis sasar menjadi antara yang terbaik di dunia

Apa yang anda akan lakukan apabila menjadi terbaik di rantau ini? Anda berusaha untuk menjadi lebih baik dan membawanya hingga peringkat dunia.

Itulah yang dilakukan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Bermula secara kecil-kecilan lebih 70 tahun lalu, ia menyaksikan System Average Interruption Duration Index (SAIDI) bertambah baik sejak beberapa tahun.

Ia dari 150 minit pada 2002 kepada 44.95 minit tahun lepas untuk menjadi yang terbaik di rantau ini dan setanding dengan beberapa negara maju di dunia.

SAIDI ialah penunjuk kebolehpercayaan oleh syarikat tenaga yang mengukur purata tempoh gangguan bagi setiap pelanggan. Ia diukur dalam unit masa, jika lebih rendah skor maka lebih baik.

Dari segi kualiti bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, TNB sudah mencapai kedudukan yang sama dengan negara maju seperti Denmark, Perancis dan United Kingdom.

Pada masa sama, mengekalkan kadar tarif yang lebih rendah untuk rakyat Malaysia.

Sebagai pembekal elektrik negara, TNB tidak akan berhenti setakat itu saja, sebaliknya merancang untuk memperbaiki dan menjadi antara yang terbaik di dunia.

Ini dilakukan menerusi program pemodenan pengedaran TNB, sebuah projek jangka panjang yang direka untuk memberikan pelanggan lebih kebolehpercayaan bekalan dan banyak kawalan serta pemerkasaan.

> "Ia akan membolehkan pengguna mengetahui berapa banyak kuasa elektrik yang digunakan, malah mereka boleh menyemak menggunakan telefon bimbit menerusi aplikasi myTNB untuk melihat peralatan mana yang menggunakan terlalu banyak elektrik"



Wan Nazmy Wan Mahmood,
Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB

Selain keupayaan untuk berhubung dengan grid bagi memantaatkan tenaga solar dan menjadi lebih mampan serta hijau.

Wan Nazmy Wan Mahmood ialah individu yang akan mengetuai program pemodenan pembahagian dan paling sesuai menggendalikannya.

Beliau berasal dari Kuala Krai, sebuah bandar kecil di Kelantan yang mana menurutnya, bekalan elektrik adalah sesuatu mewah pada tahun 1970-an dan awal 80-an.

"Hanya beberapa tempat mempunyai bekalan elektrik 24 jam. Di tempat lain pula selama 12 jam dan jika anda pergi lebih jauh dari bandar, tiada bekalan," katanya.

Selepas tamat pengajian, pemegang biasiswa TNB itu menyertai syarikat tenaga itu sebagai jurutera di Kuala Terengganu sebelum berpindah ke Kemaman.

Di situlah beliau menyelia kerja-kerja pembinaan elektrik apabila Kemaman menjadi pusat minyak dan gas negara yang memerlukan banyak kuasa.

Perumahan dan perbandaran semakin berkembang di sekitar industri minyak itu serta mendapat permintaan elektrik yang tinggi.

Begitu juga kerjaya Wan Nazmy, berkembang seiring dengan TNB. Hari ini, beliau ialah Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian yang mengetuai satu daripada bahagian utama yang menyediakan syarikat, pelanggan dan orang ramai untuk tenaga masa depan.

TNB sudah memetakan masa depan. Wan Nazmy menyenaraikan beberapa ciri utama bekalan elektrik yang akan dilaksanakan TNB seperti meter pintar, lampu jalan LED, grid pintar, storan tenaga dan infrastruktur elektrifikasi kenderaan elektrik.

Meter pintar yang berfungsi memberi pengguna kawalan ke atas penggunaan tenaga mereka sudah pun dipasang di Melaka dan kawasan tertentu di Lembah Klang.

"Ia akan membolehkan pengguna mengetahui berapa banyak kuasa elektrik yang digunakan, malah mereka boleh menyemak menggunakan telefon bimbit menerusi aplikasi myTNB untuk melihat peralatan mana yang menggunakan terlalu banyak elektrik," kata Wan Nazmy.

Kini, lampu jalan menggunakan LED juga sudah dipasang. Kira-kira 400,000 lampu jalan atau 25 peratus daripada sejumlah 1.7 juta lampu jalan di negara ini menggunakan LED yang bukan sahaja tahan lebih lama tetapi membantu majlis tempatan membuat penjimatan yang besar.



TNB terus memberikan khidmat terbaik untuk memenuhi keperluan pengguna.

Itu hanya sedikit daripada perkara lebih besar ditonjolkan. TNB akan memudahkan penubuhan infrastruktur elektrifikasi EV di seluruh negara di mana jangkaan masa depan, kenderaan elektrik akan menjadi lebih biasa.

Dengan sasaran baharu negara untuk memiliki 31 peratus tenaga hijau menjelang 2025, kuasa solar akan bersinar cemerlang.

Bagi tujuan itu, grid pintar adalah komponen penting dalam pemodenan untuk memastikan lebihan tenaga suria yang dijana oleh pelanggan atau penjanaan sendiri boleh diterima dan dibekalkan serta dijual kepada pengguna kuasa lain.

Akhirnya, kerosakan dan gangguan yang terjadi dahulu akan menjadi kenangan kerana teknologi terkini dan pendigitalan boleh memastikan sebarang masalah dapat diselesaikan dengan cepat.

Automasi pembahagian kini membantu dalam pemulihan bekalan yang lebih pantas. Di Johor Bahru, sebagai contoh, pemulihan kuasa boleh dilakukan dengan hanya satu klik tetikus oleh pengawal sistem.

Hebatnya, pengawal sistem pula akan berada di Bangsar, Kuala Lumpur.

Penyelesaian mobiliti TNB bukan sahaja dapat mengenal pasti masalah, ia juga boleh mengesan pasukan pembaikan terdekat dengan cepat, yang akan bersiap sedia di pelbagai kawasan untuk menangani sebarang kerosakan yang dilaporkan oleh pelanggan.

Ia bukan sahaja mengenai menghidupkan semula lampu dengan cepat, ia juga untuk memastikan pelanggan sentiasa dimaklumkan.

Sistem GPS akan mengetahui di mana pasukan pembaikan berada dan membolehkan TNB memberitahu pelanggan anggaran masa ketibaan pasukan itu.

Ini adalah beberapa inisiatif yang dapat mewujudkan kedua-dua peluang pekerjaan dan pelaburan.

Hari yang lebih cerah akan datang. Sememangnya kita telah melangkah jauh, jauh dari zaman rumah tanpa kuasa di Kuala Krai.



TNB optimis melaksana pembaharuan untuk menjadi antara syarikat terbaik di dunia.

